



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 (23)
Takwim : 23 Rabi'ul Akhir 1440H
Tarikh : 31 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2018

Jubah Khas Pendakwa Syarie/Peguam Syarie Dan Larangan Kepada Pendakwa Syarie/Peguam Syarie Memakai Jubah Mahkamah Sivil Atau Apa-Apa Jubah Lain Semasa Mengendalikan Prosiding di Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung pemakaian jubah khas pendakwa syarie/peguam syarie semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah sepertimana di Lampiran.

2. Pendakwa syarie/peguam syarie dilarang memakai jubah mahkamah sivil atau apa-apa jubah selain jubah khas pendakwa syarie/peguam syarie tersebut semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah.

SYARIAH ASAS Keadilan



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO: AR 3800

3. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 3 Tahun 2005: Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

LAIN-LAIN

LAMPIRAN

CONTOH JUBAH KHAS PENDAKWA SYARIE/PEGUAM SYARIE

